

CNS5874

U GB 03-08 00187 BA582

aab

Mahathir - Rangkaian
RANGKAIAN MEDIA ASIA PERLU, KATA MAHATHIR
Daripada Ali Mamat

BANDAR SERI BEGAWAN, 3 Ogos (Bernama) -- Malaysia sedang mengkaji kemungkinan supaya diwujudkan satu bentuk rangkaian media yang akan membolehkan gambaran sebenar dipaparkan mengenai Asia atau sekurang-kurangnya negara Asia Timur.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, kini tiada surat khabar atau majalah untuk orang Asia tetapi hanya akhbar Barat yang diterbitkan dengan menggunakan nama negara-negara Asia.

Sambil memberi contoh majalah Far Eastern Economic Review (FEER), Dr Mahathir berkata, idea utama media Barat ialah bagaimana mewujudkan pergeseran dan keadaan tidak stabil (di rantau ini) kerana "jika kita tidak stabil, maka dapatlah mereka menandingi kita".

"Seperti yang kita semua maklum, FEER dicetak di Asia tetapi dikawal dari luar Asia," katanya pada persidangan akhbar di Istana Darut Taqwa dekat sini pada akhir lawatannya selama tiga hari ke Brunei Darussalam.

Perdana Menteri berkata, negara rantau ini boleh mengetepikan media Barat kerana ia memberikan maklumat yang tidak tepat, "menyebabkan pihak Barat membuat anggapan yang salah mengenai negara kita." -- lagi.

▼03/08/16-15MST

CNS5919

U GB 03-08 00157 BA587

aab

Mahathir - Rangkaian 2 Bandar Seri Begawan

"Akhbar-akhbar Barat memberitahu masyarakat mereka bahawa kita tidak stabil dan mereka percaya kepadanya walaupun kita sebenarnya dalam keadaan yang baik. Akibatnya, mereka tidak mahu melabur di rantau ini dan rakyat Jepun yang melabur mengaut semua keuntungan...merekalah yang rugi," katanya.

Beliau berkata, dengan mempunyai satu bentuk rangkaian media, Asia akan dapat melaporkan fakta mengikut keadaan sebenar.

"Kita tidak akan mengatakan sesuatu itu baik jika ia tidak dalam keadaan demikian," katanya dan menambah bahawa ada majalah ekonomi yang berlagak sebagai majalah ekonomi tetapi sebenarnya mereka merupakan majalah politik yang menulis semua mengenai politik dan mengabaikan fakta ekonomi sebenar.

Sebagai contoh, katanya, jika sebuah negara seperti Malaysia berkembang dengan baik, mereka tidak akan melaporkan perkara itu tetapi sebaliknya melaporkan kejadian-kejadian remeh-temeh.

"Mereka akan gembira dan berpuas hati jika mereka boleh mengatakan bahawa perdana menteri tidak jujur," katanya. -- lagi.

▼03/08/17-09MST

CNS5928

U GB 03-08 00126 BA588

aab

Mahathir - Rangkaian 3 (Akhir) Bandar Seri Begawan

Dr Mahathir juga mempersoalkan tujuan jutawan media dari Australia, Rupert Murdoch membeli Rangkaian TV Star yang beribu pejabat di Hong Kong baru-baru ini.

"Mengapakah Murdoch membeli 64 peratus saham dalam rangkaian itu yang bernilai AS\$500 juta? Jika ia bukan untuk mengawal berita yang akan kita terima, jadi apa tujuannya?"

"Ada banyak tempat untuk membuat keuntungan. Tetapi membayar harga yang begitu tinggi bagi sebuah rangkaian yang tidak pernah menunjukkan sebarang keuntungan, ini yang kita mahu tahu mengapa," katanya.

Oleh kerana Murdoch telah membeli rangkaian itu, "maka kita pasti bahawa ia akan melakukan perkara yang sama (dengan media Barat yang lain)."

-- Bernama.

AM ZU NMO

▼03/08/17-12MST